



14 Februari 2022  
14 February 2022  
P.U. (A) 33

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 2) 2022

### *FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) (NO. 2) ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 2) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Melaka, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 2) 2022.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2022.

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/1989] dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala "**Negeri Melaka**"—

(a) dengan menggantikan butiran 4 dengan butiran yang berikut:

"4. (*Laluan 61*): *Jalan Alor Gajah-Tampin*

Bermula dari bulatan di persimpangan laluan 191, Jalan Lama Pekan Alor Gajah di koordinat U 2.382527, T 102.210134 dan berakhir di sempadan Melaka-Negeri Sembilan di koordinat U 2.466025, T 102.233855 di dalam sempadan hak lalu-lalang sebagaimana yang ditunjukkan dalam PETA 8: JALAN ALOR GAJAH-TAMPIN (jarak sepanjang 13.060km)."; dan

(b) dengan memasukkan selepas PETA 7: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI MELAKA peta yang berikut: